

Headline	Piala Presiden Kedah tiada pilihan selain menang		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	31 Jul 2015	Language	Malay
Circulation	25,000	Readership	75,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	52	ArticleSize	132 cm ²
AdValue	RM 732	PR Value	RM 2,197



Piala Presiden Kedah tiada pilihan selain menang

ALOR SETAR - Kelebihan satu gol yang diperoleh di Kuala Terengganu minggu lalu biarpun tewas 2-1 kepada Terengganu pada aksi suku akhir pertama Piala Presiden 2015 akan dimanfaatkan sebaik mungkin di laman sendiri oleh Kedah esok.

Ketua jurulatihnya, Mohamad Ramlee berkata, beraksi di padang Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menjadi medan terakhir pelapis Hijau Kuning musim ini sekiranya gagal mencapai kemenangan ke atas lawan itu.

Menurutnya, Kedah tidak mempunyai cara lain melainkan kembali menebus kekalahan kepada lawannya.

"Sepanjang minggu ini, kami menjalani latihan lebih untuk memastikan kesilapan lalu tidak kembali berulang.

"Kedah tidak ada pilihan lain sekurang-kurangnya menang 1-0 pun sudah cukup untuk kita mara ke peringkat separuh akhir, jika tidak usaha kita untuk musim ini hanya setakat ini sahaja," katanya.

Minggu lalu, kealpaan pada minit akhir menyaksikan harapan Kedah menang di Stadium Sultan Ismail Shah, Kuala Terengganu tidak kesampaian apabila tewas 2-1 kepada Terengganu.

Bagaimanapun gol tunggal Mohd Muzaimir pada minit ke-24 menjadi bonus buat pelapis Hijau Kuning.



Mohamad gesa pasukannya menang besar ke atas Terengganu esok sekiranya bercita-cita mahu layak ke separuh akhir Piala Presiden 2015. Foto: KHAIRIL A JAAFAR/ARENA HIJAU KUNING